

UMSKAL raih emas tunggal menerusi catur di Sukmab

OLEH JAINUDIN DJIMIN ^{NST 29.8.14 21}
jainudin@newsabahtimes.com.my

LABUAN: Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) membawa pulang satu pingat emas dan satu perak di Kejohanan Sukan Mahasiswa Borneo Ke-5 (Sukmab) 2014 yang diadakan di Kota Kinabalu, baharu-baharu ini.

Pingat emas itu diraih pemain catur lelaki, Jeppy Tawelu Asan Kese manakala perak dimenangi pasukan bola tampar pantai wanita yang diwakili Denise Mary William Sibungkil dan Jacklinda N. Jinuis.

Kontinjen UMSKAL yang diketuai Timbalan Pengarah, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal menyertai empar acara sukan iaitu futsal (lelaki/wanita), bola tampar pantai (lelaki/wanita), petanque dan catur.

Pengurus pasukan UMSKAL, Gabriel Moinjil berkata kontinjen itu diwakili 26 peserta bersama enam pegawai dengan Slogan UMSKAL : Inda Majal Inda Lurih (Tiada Usaha Tiada Hasil).

Kontinjen UiTM Sarawak muncul juara keseluruhan, naib johan Universitas Tanjung Pura Indonesia (Untan) dan tuan rumah, UMS Kota Kinabalu menduduki tempat ketiga.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah di Dewan Canselor UMS, Kota Kinabalu.

Sementara itu, Geoffrey yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Murnizam Haji Halik mengucapkan tahniah kepada atlet yang berjaya membawa pulang pingat emas dan perak sekaligus mengharumkan nama universiti.

Beliau berharap atlet UMSKAL akan terus berlatih bagi menyaingi atlet lain di kejohanan lain sama ada di peringkat Labuan, negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa pada masa akan datang.



SUMBANG PINGAT....Dr Geoffrey (baju merah kiri) dan Gabriel bersama atlet kontinjen UMSKAL yang meraih pingat emas dan perak di kejohanan tersebut.